

Telephone: Students Unit
(020 7402 0045)
Students Hostel
(020 7402 0953)
Fax: 020 7262 8406
Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk



سورھنجاي تيقيكي نكار بروني دارالسلام

SURUHANJAYA TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM

(STUDENTS UNIT)
35 – 43 Norfolk Square
London W2 1RX

BSU/HEU/18/99

08 Zulkaedah 1438H
31 Julai 2017M

Yang Mulia,
Pegawai-pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Tinggi NBD,
Pegawai-pegawai dan kakitangan Unit Penuntut-Penuntut,
Pegawai-pegawai dan kakitangan Agensi Pelaburan Brunei,
Pegawai-pegawai dan kakitangan 20 Kensington Palace Gardens,
Pegawai-pegawai dan kakitangan Brunei House,
Penuntut-Penuntut Brunei Students Union.

Pengiran-Pengiran / Tuan-Tuan / Puan-Puan,

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

KORBAN DAN AQIQAH 1438H/2017M

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa Komite Keagamaan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di London akan mengadakan Majlis Ibadah Korban dan Aqiqah sempena sambutan Hari Raya `Aidil Adha 1438H/2017M.

Sehubungan dengan itu, bagi sesiapa yang ingin ikut serta dalam ibadah Korban dan Aqiqah bolehlah mengisikan borang dan menyerahkan kembali kepada Setiausaha Komite Keagamaan **tidak lewat 30 Zulkaedah 1438H bersamaan 22 Ogos 2017M jam 4.30petang**. Adapun tarikh majlis pengagihan Ibadah Korban dan Aqiqah akan dimaklumkan setelah mendapat ketetapan dari pihak Central Mosque bagi bermulanya 1 Zulhijjah 1437H.

Bersama ini dilampirkan borang pendaftaran bagi ibadah Korban dan Aqiqah untuk di ambil perhatian mengenainya.

Sekian wassalam.

Dengan hormat, ,

AWANG AHMAD FAISAL HAJI ZAINAL ABIDIN
Pengerusi II Komite Keagamaan
Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam Di London.

sk.
Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi NBD Di London
Pengerusi Komite Keagamaan SJT
Pengarah Pengajian, Unit Penuntut-Penuntut